




PELAN STRATEGIK

2017 -2021

PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG

PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG
JALAN KOTA 41902 KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 0333711963
FAKS : 33723079



KANDUNGAN

PRAKATA	2
PENGENALAN	3- 5
ABSTRAK	6
PUNCA KUASA	7-8
FUNGSI & PERANAN	9- 12
RANGKA KERJA STRATEGI	13
RANGKA KERJA KUALITI	14
KONSEP PELAN STRATEGIK	15
STAKEHOLDERS & PELANGGAN	16
ANALISIS PERSEKITARAN	17-18
VISI, MISI, MOTO & OBJEKTIF	19
NILAI BERSAMA	20
TERAS STRATEGIK	21
OBJEKTIF STRATEGIK	22
PELAN TINDAKAN/PROGRAM	23 - 33
KAJIAN SEMULA	34
PENUTUP	35

PRAKATA



Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinnya, Pelan Strategik Pejabat Daerah / Tanah Klang 2017-2021 telah berjaya dibukukan. Ini adalah sebagai langkah untuk menggubal semula Pelan Strategik PDTK 2012-2016 dengan mengambilkira pencapaian prestasi sepanjang tahun tersebut.

Bagi mencapai sesuatu objektif, perancangan yang khusus dan strategik adalah perlu agar apa jua matlamat dapat direalisasikan. Pelbagai pencapaian yang cemerlang telah berjaya dikecapi oleh PDTK. Ini adalah di atas hasil usaha serta kerja keras semua warga PDTK. Pencapaian cemerlang ini haruslah selari dengan nawaitu kita untuk menjadikan tugas sebagai ibadah. Nawaitu yang betul akan memudahkan urusan seterusnya mencapai kecemerlangan diri dan jabatan juga. Selain itu, adalah sangat penting untuk kita sentiasa melaksanakan penambahbaikan agar prestasi cemerlang bukan sahaja dapat dikekalkan malahan dapat meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Ini sekaligus dapat menaikkan imej perkhidmatan awam di mata masyarakat.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus bagi memastikan Pelan Strategik PDTK 2017-2021 ini dihasilkan. Semoga segala perancangan dan matlamat yang telah ditentukan akan dapat sama-sama direalisasikan.

HAJI MOHD ZAINAL BIN MOHD NOR, AMS
PEGAWAI DAERAH KLANG

SEJARAH & PENGENALAN

PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG

Pejabat Daerah / Tanah Klang terletak di Bandar Klang dan merupakan Pusat Pentadbiran bagi daerah Klang. Kompleks pejabat ini mula diduduki pada bulan April 2008 di mana kompleks terdahulunya terletak berhadapan dengan Majlis Perbandaran Klang dan dikongsi bersama dengan beberapa agensi/jabatan kerajaan yang lain.

Pentadbiran Daerah Klang mengikut sejarahnya telah wujud pada awal abad yang kelima belas, di bawah tanggungjawab Penghulu Tun Perak atau lebih dikenali sebagai Bendahara Tun Perak, di bawah Kesultanan Melayu Melaka. Di zaman kolonial British pula, pentadbiran daerah wujud seawal tahun 1890an.

Di zaman selepas kemerdekaan, peranan Pejabat Daerah adalah berbeza dari zaman kolonial. Kerajaan Persekutuan mulai memberi perhatian utama ke atas kawasan luar Bandar. Bagaimanapun, hanya mulai tahun 1970an sahaja bila adanya Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kerajaan mula memberi perhatian sepenuhnya ke atas kawasan luar Bandar.

Tetapi kini Pejabat Daerah / Tanah Klang di bawah pimpinan Pegawai Daerah telah dapat mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi pejabat. Struktur organisasi pejabat ini terdiri dari 3 bahagian iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pengurusan Tanah dan Bahagian Pembangunan.

LOKASI

- Terletak di Lembah Klang
- Dihubungkan melalui rangkaian lebuh raya utama :
 - Lebuh raya Persekutuan
 - Lebuh raya Shahpadu
 - Lebuh raya KESAS / Pulau Indah
 - Lebuh raya Lembah Klang Utara (NKVE)

KELUASAN

- 628 kilometer persegi (62,678 hektar)
- 574km/persegi (kawasan Majlis Perbandaran Klang)
- 54km/persegi (kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam)

PENDUDUK

- 1,113,851 orang *sumber Jabatan Perangkaan*

MUKIM

- Klang dan Kapar
- Kawasan (Pulau Indah, Telok Gadong, Rantau Panjang, Pekan Kapar, Jalan Kebun, Bukit Raja)

PENTADBIRAN KAMPUNG

- 37 buah kampung
 - 33 buah kampung tradisi
 - 4 buah kampung baru / bagan
 - 3 penempatan Orang Asli

KAWASAN PENTADBIRAN (PILIHANRAYA)

- P.109 Kapar (N.42 Meru,N.43 Sementa,N.44 Sg Pinang,N.45 Selat Klang)
- P.110 Klang (N.46 Pelabuhan Klang,N.47 Pandamaran,N.48 Kota Alam Shah)
- P.111 Kota Raja (N.49 Sri Andalas,N.50 Sri Muda)

PELABUHAN

- Pelabuhan Selatan (Southport)
- Pelabuhan Utara (Northport)
- Pelabuhan Barat (Westport) di Pulau Indah

ABSTRAK

Terdapat empat teras strategik yang digariskan bagi menjayakan Pelan Strategik Pejabat Daerah/Tanah Klang 2017-2021 adalah:

1. Pentadbiran Urusan Tanah Yang Efisien Dan Efektif
 2. Pembangunan Luar Bandar dan Masyarakat Setempat Secara Terancang dan Bersistematik
 3. Pengurusan Kewangan Yang Cekap Dan Berhemah
 4. Pembangunan Modal Insan Secara Komprehensif
- Penyenaraian tindakan/program beserta sasaran telah dimuatkan melalui format khas yang disediakan. Ianya bertujuan untuk mencapai visi dan misi Pejabat Daerah/Tanah Klang 2017-2021 yang ditetapkan.
- Pelan Strategik Pejabat Daerah/Tanah Klang 2017-2021 digubal berasaskan kepada analisis persekitaran berdasarkan faktor dalaman dan luaran organisasi melalui model SWOT (Strength, Weakness, Opportunity, Threat).

PUNCA KUASA





FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Unit Pentadbiran & Kewangan

- Pengurusan Sumber Manusia, Modal Insan & Perkhidmatan
- Pengurusan & Pentadbiran Kewangan
- Pengurusan & Pentadbiran Am Pejabat
- Pengurusan & Penyelenggaraan Aset, Stor dan Bangunan Kerajaan
- Pengurusan Aduan Awam dan Khidmat Pelanggan
- Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Berkala / pelbagai Mesyuarat lain
- Urusetia Lesen Aksais Arak dan Hiburan

Unit teknologi Maklumat

- Memberikan Perkhidmatan ICT Ke Arah Merealisasikan Program Kerajaan Elektronik
- Memantau & Menyelenggara Kemudahan Infrastruktur ICT, Perkakasan , Perisian, Sistem Keselamatan & Rangkaian Jabatan
- Membangun & Mengemaskini Laman Web Rasmi Jabatan
- Menyelia & Menyediakan Latihan ICT kepada Penjawat Awam bagi membudayakan ICT
- Pengurusan Help Desk
- Mengurus & Memantau Rekod dan Dokumen ICT

Unit Majlis & Keraian

- Menyelaras, mengatur dan melaksanakan Majlis Rasmi, program sambutan dan keraian Kerajaan Negeri & Persekutuan di peringkat Daerah, Mukim dan Kampung
- Urusetia pelbagai Lawatan Rasmi Peringkat Daerah, Negeri dan Persekutuan
- Urusetia pelbagai Program, Aktiviti dan Mesyuarat di Peringkat Daerah
- Menyelaras Program Agama Islam Peringkat Daerah
- Urusetia Pencalonan Anugerah, Bintang & Darjah Kebesaran (Negeri & Kebangsaan)

Unit Sumber Manusia

- Bertanggungjawab ke atas masa perkhidmatan semua kakitangan
- Merangka dan menyediakan latihan kepada kakitangan
- Menyelaras penggunaan sistem HRMS oleh semua kakitangan
- Menjurus tatatertib, integriti dan pematuhan peraturan perkhidmatan awam

FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH



FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Unit Pembangunan Masyarakat

- Pelantikan dan penamatan Ketua - Ketua Kampung/JKK Kampung Tradisi dan Kampung Baru Cina
- Penyediaan profil Daerah
- Merancang pembangunan Daerah dan ekonomi masyarakat
- Menyelaras dan melaksanakan program masyarakat Kerajaan Prihatin Negeri Selangor
- Menyelaras program peningkatan ilmu dan kepimpinan masyarakat
- Menyelaras program pembasmian kemiskinan
- Pembangunan IKS
- Pembangunan Modal Insan
- Pembangunan Program Mesra Rakyat
- Program MES (Merakyatkan Ekonomi Selangor)

Unit Pembangunan Fizikal

- Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau pelaksanaan projek pembangunan luar bandar di daerah.
- Menyelaras dan mengawasi perancangan pembangunan fizikal tempatan bersama PBT
- Menyelaras pembangunan fizikal , agensi-agensi Pusat di peringkat Daerah
- Memantau pelaksanaan kemajuan projek fizikal Persekutuan & Negeri di Daerah
- Menyelaras dan memantau projek - projek kecil Peruntukan ADUN dan Ahli Parlimen
- Melaksanakan Program Perumahan Kerajaan Prihatin Negeri Selangor di daerah
- Penyediaan dan pengiklanan dokumen sebutharga/ tender projek - projek kecil infrastruktur asas /awam

FUNGSI DAN PERANAN UNIT PERUNDANGAN

Unit Perundangan

- Memberi khidmat nasihat hal-hal pematuhan undang-undang dan prosedur bagi urusan yang melibatkan tanah, pengurusan perjanjian dan kontrak
- Memastikan pernyataan pembelaan / affidavit jawapan bagi pihak Pentadbir Tanah Daerah untuk kes-kes sivil difailkan dalam tempoh masa yang sewajarnya
- Menyelaraskan kertas siasatan Pentadbir Tanah Daerah dan pemfailan kes ke mahkamah untuk kes-kes saman Jabatan di ambil tindakan segera
- Memastikan isi-isu perundangan dalam hal-hal pentadbiran tanah dapat diteliti dengan sempurna dan diambil tindakan yang sewajarnya

RANGKA KERJA STRATEGI



RANGKA KERJA KUALITI



KONSEP PELAN STRATEGIK




STAKEHOLDERS & PELANGGAN



ANALISIS PERSEKITARAN



PENGENALPASTIAN DAN PEMBENTUKAN TERAS STRATEGIK



VISI, MISI, MOTO, OBJEKTIF



NILAI BERSAMA

- **BIJAKSANA**
Sentiasa berusaha melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara bijaksana berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi. Membuat pertimbangan yang teliti dalam sesuatu tindakan serta membuat keputusan yang rasional berdasarkan fakta tertentu dengan mengambil kira kepentingan organisasi, perkhidmatan dan negara
- **BERDISIPLIN**
Sentiasa mengawal diri dan perilaku berlandaskan undang-undang, peraturan, prinsip dan nilai-nilai murni. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan tekun dan taat tanpa penyeliaan yang rapid an sentiasa menjaga imej diri, organisasi, perkhidmatan dan Negara di kaca mata masyarakat
- **ADIL**
Sentiasa berusaha membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang-undang, peraturan, keutamaan dan fakta yang lengkap dan tepat. Penilaian terhadap sesuatu tindakan atau keputusan dibuat secara objektif dan analitikal dengan menggunakan kaedah yang betul serta memuaskan semua pihak terlibat
- **AMANAH**
Menjalankan tugas dengan penuh komitmen, dedikasi dan rasa tanggungjawab selaras dengan akujanji yang telah diikrarkan
- **KERJA BERPASUKAN**
Mempunyai semangat kekitaan, bekerjasama, bertolak ansur dan sifat setia kawan dan muafakat yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi
- **AKAUNTABILITI**
Mempunyai rasa tanggungjawab dan akuantabiliti di dalam segala tindakan dan kelakuan
- **TELUS**
Sentiasa bersikap positif dan terbuka dengan mewujudkan prosedur kerja dan melaksanakan tindakan yang telus, lengkap serta menyelesaikan kerja mengikut masa yang ditetapkan. Berusaha memaklumkan maklumat, tindakan dan keputusan yang telah diambil kepada pihak yang berhak selagi ianya tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan
- **INTEGRITI**
Melaksanakan amanah dan kuasa dengan jujur dan saksama. Berkhidmat dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab serta sempurna dan utuh

TERAS STRATEGIK



OBJEKTIF STRATEGIK

1. PENGURUSAN ORGANISASI

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI SERTA MENINGKATKAN KUALITI & KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

1. PENGURUSAN TANAH

MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH BAGI KEMAKMURAN NEGERI & KESEJAHTERAAN RAKYAT

2. PROJEK PEMBANGUNAN

MEMANTAPKAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK INFRASTRUKTUR PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN PROGRAM- PROGRAM MODAL INSAN SERTA PEMBANGUNAN SOSIAL-EKONOMI MASYARAKAT

4. PEMBANGUNAN MODAL INSAN

MEMPERTINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DAN NILAI-NILAI MURNI AGAR DAPAT MENGENDALIKAN TUGASAN DENGAN LEBIH EFISIEN

PELAN TINDAKAN/ PROGRAM

1. Pengurusan Organisasi

Objektif Strategik: Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi Serta Meningkatkan Kualiti Dan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

	STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAKSANAAN					PELAKSANA
				2017	2018	2019	2020	2021	
1)	Memperkasakan elemen kecekapan dan keselamatan ke atas pengurusan system maklumat dan rekod Menambahbaik dan memperkasakan infra	Audit tempoh pencarian maklumat laporan kehilangan Kerosakan	<30 saat 0	Menaiktaraf infra					Admin Am Stor/Aset/ICT
2)	Memantapkan persekitaran pekerjaan yang kondusif dan selamat - Membangunkan dan memperkasakan - Pengurusan risiko	Laporan audit	0 teguran	Audit ISO, Audit SSR	AI, APPC, ISO	SSR, ISO	AI, APPC, ISO	SSR, APPC, ISO	Admin Am, Asset & stor
	- Penubuhan pasukan ERT/KOSPEN/EKSA	Laporan kemalangan	0 kematian/kecederaan	Menaiktaraf infra/ sistem pencegahan kesedaran	Lantikan fire drill, Pemeriksaan kesihatan berkala	Lantikan fire drill, Pemeriksaan kesihatan berkala	Lantikan fire drill, Pemeriksaan kesihatan berkala	Lantikan fire drill, Pemeriksaan kesihatan berkala	MK, PSM, EKSA
3)	Mengoptimumkan Sumber Kewangan dengan telus, cekap dan berhemah	Kuiri	0 kuiri	Kursus kewangan, aktiviti mentoring			Melaksanakan penyemakan yang lebih menyeluruh terhadap prosedur kewangan		Unit kewangan
		Audit	0 teguran	Membuat catatan peribadi terhadap teguran yang dibangkitkan	Melaksanakan semakan dalaman yang berkala terhadap teguran yang berulang				
		Prestasi perbelanjaan	96% kecekapan	Laporan serta ulasan prestasi secara bulanan dan suku tahun					
4)	Merekayasa inovasi dalam pengurusan organisasi	AINS (Selangor), KIK, AIPK(MOF), AISA (per awam)	Menduduki 3 empat teratas atau penerima pengiktirafan (honorary mentioned)	AINS	AINS/ KIK	KIK/ AISA	KIK/ AISA	KIK/ AISA	Unit keurusetiaan/ perlesenan
5)	Memantapkan pengurusan aduan awam jabatan	Menjawab 100% aduan awam yang diterima secara cepat tepat dan sah	Dijawab dalam tempoh 14 hari bekerja	Kursus dan latihan kepada penyelaras aduan	Kajian terhadap system aduan	Menaiktaraf sistem aduan	Melaksanakan e-aduan melalui mysms	e-aduan melalui aplikasi telefon pintar	MK, penyelaras aduan

2. Pengurusan Tanah

Objektif Strategik: Memperkukuhkan Pengurusan Dan Pentadbiran Tanah Bagi Kemakmuran Negeri Dan Kesejahteraan Rakyat

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAKSANAAN					PELAKSANA
			2017	2018	2019	2020	2021	
a. Meningkatkan taraf kepuasan pelanggan dengan mendaftar PMT dalam masa 24 jam b. Meningkatkan taraf kepuasan pelanggan dengan membolehkan kutipan dibuat dalam masa 7 hari bekerja	90% PMT didaftarkan dalam masa 24 jam	Keutamaan urusan kemasukan dan pendaftaran untuk PMT. (didahulukan)	Rombakan tugas kaunter dan penjadualan pendaftaran yang fokus pada PMT	Pengagihan semula tugas pendaftar fokus kepada pendaftaran PMT	Pemantauan	Merangka carta alir tatakkerja baru khusus untuk pendaftaran PMT	Pemantauan	Unit pendaftaran
		Meningkatkan keselamatan urusan pendaftaran melalui teknologi biometrik	Mewujudkan kaunter SELAMAT pemantauan kes-kes TOLAK Mengetatkan penggunaan sistem SELAMAT bagi urusan perserahan	Meluaskan penggunaan SELAMAT untuk penyaksian dan salinan sah	Pemantauan dan penambahbaikan	Kemaskini sistem sekiranya ada	Pemantauan	Unit pendaftaran
		Memperluas penggunaan teknologi yang memberi nilai tambah di pendaftaran hakmilik dan hakmilik strata.	Pewujudan cukai petak untuk hakmilik strata Meluaskan penggunaan SELAMAT berasaskan kaedah hakmilik strata	Mewujudkan kaunter yang khas untuk perserahan dan carian strata Pendaftaran PMT 24 jam untuk strata	pemantauan	Susun semula jadual kerja khusus hakmilik strata untuk kerani sehingga pendaftar	Penambahbaikan	Unit pendaftaran

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAKSANAAN					PELAKSANA
			2017	2018	2019	2020	2021	
Meningkatkan taraf kepuasan pelanggan dengan memproses permohonan kebenaran pindahmilik yang bersekatan kepentingan dalam tempoh 14 hari.	100% permohonan kebenaran pindahmilik selesai dalam masa 14 hari	Meningkatkan kecekapan petugas kaunter semasa urusan semakan di kaunter	Semakan semula keperluan dokumen dan carta alir/senarai semak kerja	Pemantauan dan penambahbaikan	Pemantauan dan penambahbaikan	Semakan semula keperluan dokumen dan carta alir/senarai semak kerja	Pemantauan dan penambahbaikan	Unit pindah milik & lelongan
		a. Mempercepatkan permohonan urusan kebenaran bagi pentadbir tanah menggunakan system e-consent b. Memperluas penggunaan SELAMAT bagi permohonan kebenaran pindah milik	Menggalakkan penggunaan consent 2u oleh pemohon/wakil peguam Tempoh percubaan penggunaan system SELAMAT	Menggalakkan penggunaan consent 2u oleh pemohon/wakil peguam Pelaksanaan dan pemantauan	Mewajibkan penggunaan consent 2u oleh pemohon/wakil peguam Pelaksanaan dan pemantauan	Pemantauan dan penambahbaikan Pelaksanaan dan pemantauan	Pemantauan dan penambahbaikan Pelaksanaan dan pemantauan	Unit pindah milik & lelongan pendaftaran
Menyelesaikan pertikaian berkaitan perintah lelongan diantara pemegang gadaian dan penggadai.	Permohonan oleh pemegang gadaian untuk perintah jualan (16G) diselesaikan dalam tempoh maksimum 2 tahun.	Menyingkatkan proses siasatan oleh penolong pentadbir tanah sama ada penyelesaian oleh penggadai atau perintah lelong dikeluarkan.	Semakan semula keperluan dokumen tambahan yang memudahkan sesi siasatan	pemantauan	pemantauan	Semakan semula keperluan dokumen tambahan yang memudahkan sesi siasatan	pemantauan	Unit pindahmilik & lelongan pendaftaran

STRATEGI	KPI	SASARAN	TINDAKAN/PROGRAM	PELAN TINDAKAN					PELAKSANA
				2017	2018	2019	2020	2021	
Memperkasakan urusan pelupusan dan pembangunan tanah		Penarafan dalam <i>Star Rating</i>	Memantapkan fungsi struktur dan perkhidmatan fungsi tugas dan urusan pelupusan serta pembangunan tanah	✓	✓	✓	✓	✓	Pelupusan dan pembangunan tanah
		Pengiktirafan MS ISO	Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan kecekapan pentabiran tanah	✓	✓	✓	✓	✓	Pelupusan dan pembangunan tanah

STRATEGI	KPI	SASARAN	TINDAKAN/PROGRAM	PELAN TINDAKAN					PELAKSANA
				2017	2018	2019	2020	2021	
		Tempoh proses permohonan menepati piagam pelanggan dan usaha penambahbaikan dijalankan secara berterusan	Memantau permohonan pelupusan dan pembangunan tanah melalui mesyuarat teknikal dan mesyuarat bahagian tanah/mesyuarat OSC 3.0	✓	✓	✓	✓	✓	Pelupusan dan pembangunan tanah
		Pengurangan pelanggaran syarat tanah	Mengoptimumkan pembangunan guna tanah berdasarkan zon kawasan (tender tanah)	✓	✓	✓	✓	✓	Pelupusan dan pembangunan tanah

STRATEGI	AKTIVITI/ PROGRAM		KPI	SASARAN	PELAKSANAAN					PELAKSANA
					2017	2018	2019	2020	2021	
Memantapkan Pengurusan Kutipan Cukai Tanah Bagi Daerah Ini Bagi Mencapai Sasaran Hasil Kerajaan Negeri	1)	Membangun dan melaksana prosedur kerja yang sistematik bagi mencapai sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan negeri dan dalam masa yang sama, mematuhi peraturan yang berkuatkuasa.	Penilaian audit	Sifar teguran	Kemaskini pelan strategik, pelaksanaan audit kewangan, SKT Mid Term review, Pembangunan Prosedur Operasi yang baru dan audit MS ISO 9001:2015	pelaksanaan Audit kewangan, Audit SSR, SKT, Audit MS ISO 9001:2015	pelaksanaan Audit kewangan, S K, Audit MS ISO 9001:2015	pelaksanaan Audit kewangan, Audit SSR, SKT, Audit MS ISO 9001:2015	Kemaskini pelan strategik, pelaksanaan audit kewangan, SKT, Audit MS ISO 9001:2015	Unit Unit Hasil
			Pencapaian kutipan cukai semasa	95%	Pembentangan laporan dalam mesyuarat pengurusan kanan PDKT (setiap bulan), Mesyuarat JPKA (setiap suku tahun), SKT&SKT Mid Term Review (Penggala), Mesyuarat/Lab Peringkat Perbendaharaan Negeri Selangor.					
			Pencapaian kutipan cukai tertunggak	75%	Pembentangan laporan dalam mesyuarat pengurusan kanan PDKT (setiap bulan), Mesyuarat JPKA (setiap suku tahun), SKT&SKT Mid Term Review (Penggala), Mesyuarat/Lab Peringkat Perbendaharaan Negeri Selangor.					
	2)	Mempelbagaikan kaedah kutipan bayaran cukai selaras dengan capaian teknologi terkini	Peratusan kutipan bayaran cukai mengikut jenis/kaedah bayaran	Proses bayaran selesai 100%	Pembentangan laporan dalam mesyuarat pengurusan kanan PDKT (setiap bulan), Mesyuarat JPKA (setiap suku tahun), SKT&SKT Mid Term Review (Penggala), Mesyuarat/Lab Peringkat Perbendaharaan Negeri Selangor.	Unit hasil, unit ICT, Unit KP				
			3)	Meluaskan capaian kawasan bagi kaunter van hasil (mengoptimumkan objektif pengwujudan kaunter bergerak tersebut)	Peratusan kutipan bayaran cukai mengikut Bilangan Hari kaunter Bergerak beroperasi & lokasi		Proses bayaran selesai 100%	Pembentangan laporan dalam mesyuarat pengurusan kanan PDKT (setiap bulan), Mesyuarat JPKA (setiap suku tahun), SKT&SKT Mid Term Review (Penggala), Mesyuarat/Lab Peringkat Perbendaharaan Negeri Selangor.		

STRATEGI	KPI	SASARAN	TINDAKAN/PROGRAM	PELAN TINDAKAN					PELAKSANA
				2017	2018	2019	2020	2021	
Meningkatkan Keberkesanan penguatkuasaan		<ol style="list-style-type: none"> Kod etika dan amalan terbaik. Bilangan kes/jumlah yang disabitkan 	<ol style="list-style-type: none"> Mewujudkan kod etika dan amalan terbaik penguatkuasaan. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasaan. 	2017-2021					

3. Projek Pembangunan

Objektif Strategi: Memantapkan Pelaksanaan Projek-Projek Infrastruktur Pembangunan Luar Bandar Dan Program-Program Modal Insan Serta Pembangunan Sosio-Ekonomi Masyarakat.

STRATEGI	KPI	SASARAN	AKTIVITI/PROGRAM	PELAN TINDAKAN					PELAKSANA (PERSON INCHARGE)
				2017	2018	2019	2020	2021	
Memantapkan Sosio-Ekonomi Masyarakat Melalui Program-Program Dan Latihan Yang Berkesan	Individu berpendapatan rendah iaitu dibawah RM1500.00 atau isi rumah berpendapatan RM3,000.00 sebulan	Bilangan permohonan yang diluluskan	Menyelaras dan melaksanakan dasar kerajaan negeri Selangor dalam pembasmian kemiskinan melalui program Blue Print	30 Permohonan setahun	Unit Pembangunan Masyarakat				
	Pendapatan isi rumah bawah RM1500.00 sebulan	Bilangan projek yang dilaksanakan	Menyelaras dan melaksanakan dasar kerajaan negeri Selangor dalam pembasmian kemiskinan melalui program bantuan rumah kerajaan prihatin(PPRT)	5 projek setahun	Unit Pembangunan Masyarakat & Unit Pembangunan Fizikal				
	Perusahaan yang telah beroperasi lebih 2 tahun dan jualan tahunan tidak melebihi RM300,000.00	Bilangan permohonan yang diluluskan	Menyelaras dan melaksanakan dasar kerajaan negeri Selangor dalam membantu memantapkan bidang keusahawanan	10 permohonan setahun	Unit Pembangunan Masyarakat				
	Peserta Blueprint dan Dana Usahawan Makro	Usahawan yang berdaftar di PDK	Menyelaras dan melaksanakan dasar kerajaan negeri melalui penyediaan latihan kepada usahawan-usahawan daerah klang	3 program setahun	Unit Pembangunan Masyarakat				

MEMPERKASA DAN MENYELARAS PEMBANGUNAN DAERAH KLANG	Bilangan permohonan/Aduan yang diterima	100% laporan siasatan projek disediakan	Memastikan senarai projek tahunan yang dirancang disediakan lebih awal	80 Projek setahun	Unit Pembangunan Masyarakat				
	Bilangan projek yang dilaksanakan	100% projek siap dalam tahun semasa	Membangunkan, membaikpulih, menaiktaraf serta memantau projek-projek luar Bandar berdasarkan spesifikasi kerja serta tempoh masa yang ditetapkan.	80 Projek setahun	Unit Pembangunan Masyarakat & Unit Pembangunan Fizikal				
	Mesyuarat JKTD	6 Kali setahun	Menyelaras semua program pembangunan fizikal dan sosial dengan semua agensi pelaksana peringkat daerah	6 kali setahun	Unit Pembangunan Masyarakat				
MEMPERKASA MODAL INSAN MELALUI PROGRAM BERSEPADU MELIBATKAN AGENSI/JABATAN BERKAITAN	Mesyuarat Gejala Sosial	Minimum dua (2) kali setahun	Melaksana dan menyelaras program/aktiviti masyarakat dan agenda perpaduan dalam masyarakat	2 Kali setahun	Unit Pembangunan Masyarakat				
MEMPERKUKUHKAN JALINAN, PENYERTAAN KOMUNITI DALAM AKTIVITI DAN PROGRAM PDKT	Program Modal Insan	Minimum 2 program setiap mukim	Mempertingkatkan peglibatan komuniti dan perancangan serta pelaksanaan program PDT klang	12 kali setahun	Unit Pembangunan Masyarakat				

KEMANTAPAN KEPIMPINAN, PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN JKKK	Dua (2) kali setahun	100%	Mengadakan mesyuarat, latihan dan kursus kepada ketua Kampung/Pengerusi JKKK Kampung Baru, Ketua Komuniti India Dan JKKK	2 Kali setahun	Unit Pembangunan Masyarakat				
	34 kampung	100%	Memastikan profile kampung sentiasa dikemaskini	34 kampung tradisi	Unit Pembangunan Masyarakat				
	Minit mesyuarat dikemukakan kepada PDKT setiap bulan	100% diadakan setiap bulan	Memastikan mesyuarat JKKK diadakan mengikut Manual Prosedur kerja ketua kampung	12 kali setahun	Unit Pembangunan Masyarakat				

4. Pembangunan Modal Insan

Objektif Strategik: Mempertingkatkan Pengetahuan Dan Kemahiran Dan Nilai-Nilai Murni Agar Dapat Mengendalikan Tugas Lebih Efisien

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAKSANAAN					PELAKSANA	
			2017	2018	2019	2020	2021		
1)	Memantapkan pengurusan dan pembangunan sumber manusia secara sistematik - Mewujudkan sistem pengurusan maklumat sumber manusia yang tepat dan teratur	Menepati tempoh yang ditetapkan: - Pencen - Pengesahan jawatan - Memperbaharui lantikan kontrak	100%	Pengemaskinian data secara berkala buku perkhidmatan	Pengemaskinian data secara berkala buku perkhidmatan	Penyediaan senarai semak disetiap fail peribadi pegawai	Pemantauan khusus dijalankan	Pemantauan khusus dijalankan	PSM
	- Melaksanakan program pengiktirafan dan penghargaan berdasarkan prestasi kakitangan	Penganugerahan APC, ABC, ASS	100% kakitangan mendapat PGT mengikut TPG	Mesyuarat PPSM ASS	APD	Anugerah pekerja contoh	Anugerah Tambahan	Anugerah Tambahan	PSM
	- Mempelbagaikan program latihan bagi melahirkan modal insan yang kompeten dan mempunyai nilai tambah	Penilaian keberkesanan latihan	>80%	-POL -Takwim -keberkesanan	Sistem e-latihan	Maklumat Bersepadu Latihan	Laporan mudah diakses	Pemantapan sistem e-latihan dan Laporan	PSM
2)	Membudayakan elemen integriti, nilai-nilai murni dan etika kerja cemerlang	Tindakan tatatertib, STS	Kes Tatatertib	Program dan promosi integriti	Mystery shopping	Program dan promosi	Program dan promosi	Program dan promosi	Unit integriti

PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA

Semua bahagian dan unit di Pejabat Daerah/Tanah Klang adalah bertanggungjawab dan memainkan peranan yang signifikan bagi menentukan strategi dan pelan tindakan yang terkandung dalam pelan strategik ini dicapai mengikut petunjuk prestasi yang ditetapkan menjelang tahun 2021. Sehubungan itu, pemantauan dan kajian semula perlu dilaksanakan agar semua aktiviti/program sentiasa berada pada landasan sebenar bagi mencapai objektif utama pelan strategik berdasarkan 4 teras strategi yang telah digariskan. Untuk itu, satu jadual perancangan telah disediakan bagi memantau pelaksanaan aktiviti/program di bawah Pelan Strategik Pejabat Daerah/Tanah Klang Tahun 2017-2021 seperti berikut:

		2018	2019	2020	2021
		JUN	JUN	JUN	JUN
Mesyuarat pemantauan Pelan Strategik	1				
Penilaian pencapaian tahun pertama	2	MAC			
Kajian semula Pelan Strategik	3		JUN	JUN	JUN
Penilaian pencapaian tahun kedua	4		MAC		
Penilaian pencapaian tahun ketiga	5			MAC	
Penilaian pencapaian tahun keempat	6				MAC

PENUTUP

Pelan Strategik PDK 2017-2021 merupakan satu usaha PDK untuk mengkaji semula Pelan Strategik sedia ada demi untuk memastikan penambahbaikan berterusan sentiasa dilaksanakan. Pelbagai pencapaian cemerlang telah diperolehi semenjak Pelan Strategik PDK mula dilaksanakan kerana perancangan yang teliti dan strategik serta pelaksanaan yang efektif dan efisien dapat dilaksanakan. Konsep SMART telah digunapakai untuk kajian semula pelan strategik ini. Selaras dengan visi PDK yang bakal menjadi peneraju dalam organisasi Pentadbiran Tanah Dan Pembangunan Masyarakat terunggul kearah Merealisasikan Klang daerah impian dan mampan” dan misi PDK iaitu “Menjanjikan Mutu Perkhidmatan Yang Terbaik Demi Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat” adalah diharapkan Pelan Strategik PDK 2017-2021 ini dapat dijadikan rujukan oleh semua warga PDK demi memastikan kualiti prestasi penyampaian perkhidmatan dapat dikekalkan dan dipertingkatkan sekaligus menaikkan imej perkhidmatan awam di mata masyarakat.